



KEMENTERIAN KERJA RAYA

---

## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO SRI  
MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA MAJLIS SESI DIALOG BELANJAWAN 2024  
KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR) BERSAMA PENGGIAT  
INDUSTRI PEMBINAAN**

**BILIK TANJUNG, ARAS 6, BLOK A  
KOMPLEKS KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**14 SEPTEMBER 2023**

## **SALUTASI**

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Barisan Panel Sesi Dialog;

Wakil Kementerian Kerja Raya dan agensi di bawahnya,

Wakil Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan yang berkaitan; dan

Penggiat Industri Pembinaan Negara.

YBhg. Tan Sri, Dato-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati  
sekalian,

## **PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kehadiran YBhg. Tan Sri, Dato-Dato', tuan-tuan dan puan-puan ke majlis **Dialog Belanjawan 2024 Kementerian Kerja Raya Bersama Penggiat Industri Pembinaan** yang julung-julung kali diadakan. Syabas saya ucapkan kepada Kementerian Kerja Raya atas inisiatif menganjurkan majlis sebegini. Majlis seperti ini merupakan salah satu langkah proaktif Kerajaan Perpaduan untuk membolehkan kita lebih memahami isu-isu berkaitan sektor pembinaan di samping menyantuni penggiat industri pembinaan negara.

YBhg. Tan Sri, Dato-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

2. Belanjawan 2024 dijangka akan dibentangkan ke Parlimen pada bulan Oktober 2023. Belanjawan MADANI pada kali ini akan berorientasikan kerangka **Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat** yang diluncurkan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Julai 2023. 'Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat' adalah satu kerangka ekonomi yang berlandaskan dua teras utama. **Pertama, menstruktur semula ekonomi bagi memartabatkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju ekonomi di Rantau Asia (*Raise the Ceiling – having global ambitions to emerge a leading Asian economy*) dan kedua, meningkatkan darjat dan kualiti hidup seluruh rakyat Malaysia (*Raise the Floor – ensuring all Malaysians enjoy a good standard of living*).**
3. Sehubungan itu, untuk kita bersama-sama merencanakan inisiatif dan keutamaan bagi Belanjawan 2024, YAB Perdana Menteri telah mengarahkan semua kementerian untuk mengadakan sesi libat urus dengan pemegang taruh masing-masing. Ini adalah bagi memastikan pandangan rakyat, masyarakat dan industri disambut dalam menjayakan Ekonomi MADANI.

YBhg. Tan Sri, Dato-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

#### **NARATIF BELANJAWAN 2024**

4. Agenda '**Memperkasa Malaysia MADANI**' bagi Belanjawan 2024 komited untuk mengangkat Malaysia MADANI yang mempunyai azam global, dan berteraskan nilai MADANI demi kesejahteraan

rakyat. Enam Nilai Madani yang dijadikan sebagai paksi utama ialah **Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan & Ihsan.**

5. Frasa -frasa seperti '**memperkasa rakyat**', '**denyut nadi dan aspirasi rakyat**', '**kesejahteraan rakyat**', dan '**pembaharuan**' adalah mesej utama yang diketengahkan oleh Kerajaan Perpaduan melalui Belanjawan Madani 2024. Dalam hal ini, terdapat 3 intipati utama yang akan disampaikan dalam Belanjawan 2024 iaitu :

- Pertama, **Menentukan hala tuju (*Set the Direction*)**  
"Kerajaan Perpaduan akan meletakkan semula Malaysia di landasan yang betul supaya negara mencapai kegemilangan yang rakyat banggakan."
- Kedua, **Menyemai harapan (*Sow Hope*)**  
"Kerajaan Perpaduan prihatin dengan cabaran rakyat dan mahu membina masa depan yang lebih baik untuk Malaysia."
- Ketiga, **Membina keyakinan (*Build Confidence*)**  
"Dengan komitmen yang ditunjukkan, Kerajaan Perpaduan mampu membawa Malaysia ke satu tahap yang lebih tinggi pada masa hadapan."

6. Menerusi Belanjawan 2024, Kerajaan akan merencanakan lagi usaha meningkatkan kebajikan serta taraf hidup rakyat melalui pengukuhan ekonomi rakyat dan negara. Usaha memperkasakan rakyat ini adalah kesinambungan Belanjawan 2023 lalu yang

memfokuskan kepada ekonomi rakyat. Berdasarkan ucapan YAB Perdana Menteri dalam Majlis Libat Urus Belanjawan 2024 baru-baru ini, setakat bulan Jun 2023, Kerajaan telah membelanjakan RM188 bilion bersamaan 49% daripada peruntukan Belanjawan 2023, berbanding perbelanjaan sebanyak RM170 bilion bagi tempoh sama pada tahun 2022. Sungguhpun perbelanjaan ini lebih baik daripada tahun 2022, namun prestasi tersebut boleh bertambah baik melalui peningkatan dan pelaksanaan segera projek-projek bercaknakan rakyat.

7. Justeru, saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada semua pemain industri sektor pembinaan termasuk kontraktor dan pemegang taruh yang relevan untuk meningkatkan lagi usaha melaksanakan projek yang diamanahkan pada kadar segera. Namun, saya tidak akan berkompromi dengan mutu kerja yang tidak mengikut piawai, tidak berintegriti, dan penggunaan bahan yang berkualiti rendah dalam menyegerakan pelaksanaan sesuatu projek. Kita harus sedar bahawa setiap kerja di bawah sektor pembinaan adalah kritikal dan akan melibatkan kehilangan harta benda dan nyawa sekiranya tidak dilaksanakan dengan tahap integriti kerja yang tinggi. Saya tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang tegas sekiranya perkara ini berlaku.

YBhg. Tan Sri, Dato-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

## **EKONOMI MADANI**

8. Saya ingin menarik perhatian semua berhubung teras pertama Ekonomi Madani, **Menstrukturkan Semula Ekonomi** supaya

Malaysia muncul sebagai jaguh ekonomi serantau. Sasaran teras pertama ini akan tertumpu antara lain untuk memastikan Malaysia sebagai **destinasi pelaburan berdaya saing dan bertaraf global**, memacu peralihan ekonomi kepada **industri berteraskan digital dan inovasi**, bangkit semula sebagai **Peneraju Ekonomi Islam Global**, membangunkan **Jaguh PMKS serantau** dan memastikan **Keterjaminan & Kemampanan Ekonomi**.

9. Sasaran teras kedua berfokuskan Kehidupan Rakyat Yang Berkualiti. Kerajaan akan menumpukan kepada meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia, terutamanya dari segi mendorong penjanaaan **Pekerjaan Bermakna & Berpendapatan Tinggi**, menegakkan keadilan sosial melalui **Keterangkuman & Kesaksamaan Peluang**, memastikan **Akses Sejagat kepada Pendidikan dan Kesihatan** yang berkualiti, membangunkan **kemudahan asas bertaraf dunia** dan mengukuhkan **perlindungan sosial untuk semua**.
10. Justeru, adalah menjadi hasrat utama Kerajaan Perpaduan dalam memperkenalkan wadah Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat, ia akan mengembalikan martabat dan maruah rakyat serta membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju dan sejahtera. Ianya juga akan menjadi induk kepada beberapa lagi dasar khusus yang diumumkan antaranya termasuklah **Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12**.

YBhg. Tan Sri, Dato-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

## HALATUJU KEMENTERIAN KERJA RAYA

11. Melihat kepada Konsep Ekonomi MADANI sebentar tadi, bagi merealisasikan sasaran yang dirancang, Kementerian telah mengenalpasti 3 elemen dibawah teras "***Raise the Ceiling***" dan "***Raise the Floor***".
  
12. Di bawah teras ***Raise the Floor*** : **Meningkatkan Kualiti Hidup Rakyat**, terdapat 2 elemen utama. Pertama, **Infrastruktur Asas Untuk Semua** yang merangkumi:
  - **pemeriksaan infrastruktur berdaya tahan bagi mengutamakan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya (naiktaraf); dan**
  
  - **peningkatan kesejahteraan rakyat melalui pengukuhan penyenggaraan infrastruktur bertaraf dunia** terutamanya dari aspek penyenggaraan, pembinaan dan pembaikan projek infrastruktur dan bangunan.
  
13. Elemen kedua pula menyokong **Anjakan Mobiliti Sosial** yang mengambil kira kepentingan :
  - **pengukuhan Modal Insan melalui persekitaran kerja yang kondusif; dan**
  
  - **peningkatan kemahiran dan produktiviti tenaga kerja pembinaan demi kualiti hidup yang bermakna.**

14. Berhubung sasaran ini, antara inisiatif yang dikenalpasti ialah pembangunan modal insan sektor pembinaan yang merangkumi akreditasi dan pengiktirafan modul dan skil, peningkatan kepakaran perunding dan kontraktor tempatan, pemberian insentif dalam setiap rangkaian proses pembinaan serta mengkaji atau meminda semula perundangan, peraturan dan garis panduan dalam sektor pembinaan.
15. KKR juga telah menetapkan sasaran 85% untuk tenaga kerja tempatan manakala peratus tenaga kerja asing dikurangkan kepada 15% berbanding 37% pada tahun 2022. Ini boleh dilaksanakan melalui inisiatif peningkatan jumlah pekerja tempatan yang menjalani latihan *reskilling dan upskilling* seperti mana yang disarankan oleh YAB Perdana Menteri.
16. Bawah teras kedua ***Raise the Ceiling : Peneraju Ekonomi di Rantau Asia***, Kementerian menyasarkan satu elemen utama iaitu **Pemeriksaan Pendigitalan Sektor Pembinaan**.
17. Dalam merealisasikan halatuju Kementerian, KKR melalui **Dasar Pembinaan Negara (National Construction Policy - NCP) 2030 dengan visi “Digitalising Construction Sector 2030”** telah menasaskan menjelang 2030, **pertumbuhan sektor pembinaan dijangka mencapai sebanyak 10.3%**.
18. Selain itu, KKR menasaskan tahap adaptasi teknologi melalui penggunaan IBS dengan skor 70% bagi kedua-dua kategori projek Awam dan Swasta. KKR juga menetapkan pencapaian sasaran



sekurang-kurangnya 50% Pihak Berkuasa Tempahan (PBT) diseluruh negara mensyaratkan Polisi IBS di dalam permohonan pelan bangunan menjelang tahun 2025 yang akan dilaksanakan melalui kerjasama dengan pihak Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

19. Bagi memacu halatuju industri pembinaan negara yang lebih progresif dan inovatif, saya berhasrat untuk mencadangkan penubuhan Majlis Penasihat Pembinaan Negara yang akan diwakili oleh pemain dan penggiat industri binaan negara. Buat masa ini, cadangan ini perlu diperhalusi dan diteliti kewajarannya oleh semua pihak yang berkepentingan agar kewujudannya dapat dijustifikasikan bagi memenuhi objektif dan sasaran yang diiltizamkan oleh Kerajaan Perpaduan.

YBhg. Tan Sri, Dato-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

## **CPTPP DALAM SEKTOR PEMBINAAN**

20. Setiap inisiatif akan mempunyai cabaran dan isu yang perlu ditangani secara menyeluruh dalam kitaran proses pelaksanaannya. Antara cabaran baru yang harus diadaptasi oleh sektor pembinaan adalah penguatkuasaan Perjanjian Komprehensif Dan Progresif Bagi Perkongsian Trans-pasifik (CPTPP). Di bawah Perjanjian CPTPP, syarikat-syarikat ahli CPTPP dibenarkan membida projek pembinaan di Malaysia yang bernilai lebih RM371 juta dan jumlah ini akan dikurangkan sehingga sekitar RM80 juta dalam 20 tahun akan datang.

21. Sehubungan itu, kontraktor tempatan perlu mempertingkatkan kemahiran untuk bersaing dengan syarikat antarabangsa dalam arena pasaran terbuka. Saya juga ingin menyarankan syarikat tempatan untuk menerapkan teknologi digital seperti penggunaan kecerdasan buatan (AI), serta amalan Alam Sekitar, Sosial dan Tata Kelola (ESG) dalam perniagaan mereka untuk bersaing dengan syarikat antarabangsa. **Kerajaan sentiasa terbuka dan bersedia untuk membantu** semua pihak yang terkesan dalam tempoh peralihan ini. Dalam hal ini, **saya sedia mendengar** cadangan bernas daripada anda semua untuk kita bersama-sama memperkasakan pemain industri binaan dan kontraktor tempatan di persada antarabangsa.

YBhg. Tan Sri, Dato-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

## **INISIATIF KKR**

22. Saya juga ingin berkongsi beberapa inisiatif Kementerian seiring dengan semangat Malaysia Madani yang seharusnya dibanggakan. Antaranya ialah **Kempen MyJalan** yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 24 Ogos 2023 di Gerik, Perak. Inisiatif ini menyasarkan akauntabiliti dalam kalangan pengguna jalan raya, pemain industri dan agensi kerajaan bahawa **jalan raya adalah tanggungjawab kita, bersama**. Semua pihak memainkan peranan penting dalam usaha penjagaan prasarana jalan. Berorientasikan konsep **'No Wrong Door Policies'** dan **'Actions Speak Louder Than Words'**, tindakan yang lebih proaktif, inklusif, interaktif dan bersepadu akan diambil dan dipantau menerusi **Aplikasi MYJalan** dalam menyelesaikan kes-

kes aduan dan isu yang diterima. **Kempen ini akan merangkumi semua usaha Kementerian di bawah teras pertama, Meningkatkan Kualiti Hidup Rakyat melalui pemeraksanaan infrastruktur berdaya tahan bagi mengutamakan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya.**

23. Kementerian melalui JKR juga sedang melaksanakan inisiatif projek rintis *Electric Vehicle Conversion (EVC)* iaitu penukaran enjin kenderaan daripada jenis pembakaran dalam (internal combustion) kepada elektrik. Inisiatif EVC telah mendapat pengiktiran dan sokongan dari pelbagai pihak seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, NanoMalaysia dan FelDA. Ini merupakan antara inisiatif yang menggalakan adaptasi teknologi seiring dengan perubahan teknologi semasa kearah pencapaian Dasar Teknologi Hijau Negara.
  
24. Saya juga amat bangga dengan pencapaian Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) baru-baru ini yang telah mengharumkan nama negara apabila berjaya merangkul kejuaraan anugerah *World Summit on the Information Society (WSIS) Prizes 2023* di Geneva, Switzerland menerusi sistem *i-Supervision 2.0* yang berupaya memantau projek pembinaan secara komprehensif menggunakan teknologi terkini seperti *Artificial Intelligence (AI)*, *Internet of Things (IoT)* serta *Augmented Reality (AR)*. Bagi memastikan sistem ini mencapai penggunaannya yang optima, adalah menjadi harapan saya agar sistem ini dapat diadaptasi dan diguna pakai secara meluas dalam pengurusan projek binaan negara.

25. KKR juga telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara CIDB Holdings dan MRCB pada 7 Jun 2023 yang memfokuskan kepada meningkatkan kebolehpasaran graduan TVET dalam industri Pembinaan Malaysia. Saya amat mengalu-alukan inisiatif ini agar ia dapat diperluaskan kepada penggiat industri lain untuk memperkasakan kerjasama awam-swasta dalam memastikan program-program TVET dapat memenuhi tuntutan industri.

YBhg. Tan Sri, Dato-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

26. Saya berharap melalui perkongsian dan perincian konsep dan inisiatif Belanjawan 2024 dan Ekonomi Madani sebentar tadi, kita akan lebih berazam membina Malaysia yang gemilang demi manfaat kepada rakyat dan khasnya bagi sektor pembinaan supaya lebih inovatif serta berdaya saing di pasaran tempatan dan global.

27. Justeru, sesi dialog kita pada hari ini diadakan bertujuan untuk mendengar dan berkongsi pandangan serta cadangan daripada penggiat industri terutamanya berhubung Belanjawan 2024. Dalam hal ini, saya dimaklumkan bahawa Kementerian telah menjemput Penggiat Industri/Kementerian/Jabatan/Agensi yang berkaitan bagi memberikan pandangan/cadangan selaras dengan pendekatan *Whole of Nation*. Saya berharap sesi dialog ini dapat membantu penggiat industri pembinaan dan Kerajaan dalam mencari jalan penyelesaian yang terbaik bagi kesemua isu-isu yang dibangkitkan di samping menjalin persefahaman dan kerjasama strategik yang dihasratkan.

28. Dengan ini, saya dengan rasminya membuka Sesi Dialog Belanjawan 2024 Kementerian Kerja Raya (KKR) Bersama Penggiat Industri Pembinaan.

Sekian, terima kasih.